



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2024/2025) (BIL. 2), 2025

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 44/2024) bertarikh 20 haribulan Jun 2024 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima bilion dan satu ratus sembilan puluh juta ringgit (\$5,190,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2024/2025), 2024 (Akta 1 tahun 2024).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua ratus lima puluh sembilan juta, satu ratus empat puluh satu ribu dan tiga ratus enam puluh satu ringgit (\$259,141,361.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2024/2025) (Bil. 1), 2025.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh sembilan juta, lima ratus lima puluh lapan ribu dan lapan puluh tiga ringgit (\$39,558,083.00).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2024/2025) (Bil. 2), 2025.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2024/2025, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh sembilan juta, lima ratus lima puluh lapan ribu dan lapan puluh tiga ringgit (\$39,558,083.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2024/2025, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2024/2025), 2024 (Akta 1 tahun 2024) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2024/2025) (Bil. 1), 2025, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>	<i>Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka</i>
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$26,192,726.00	\$26,192,726.00
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI			
SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF	\$11,105,025.00	\$11,105,025.00
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI			
SN01A	Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	\$2,260,332.00	\$2,260,332.00
		<u>\$39,558,083.00</u>	<u>\$39,558,083.00</u>

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1446 bersamaan dengan 26 haribulan Mac, 2025 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**